

# Lelaki cederakan pelajar didenda RM900

**SIBU:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM900 atau 14 hari penjara sekiranya gagal membayar denda terhadap seorang lelaki kerana menyebabkan kecederaan kepada seorang pelajar berusia 14 tahun bulan lalu.

Wilson Pating, 32, dari Sungai Mapai di Kanowit mengaku bersalah di hadapan Majistret Oon Kork Chern atas pertuduhan di bawah Seksyen 319 Kanun Keseksan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 323 akta yang sama.

Seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Dia melakukan kesalahan itu pada 5 Mac sekitar jam 2 petang di sebuah pusat Internet di Nanga Tada, Kanowit.

Menurut fakta kes, dua individu telah datang kepada pengadu semasa dia sedang melayari Internet di pusat

tersebut.

Salah seorang daripada mereka memanggil pengadu sebelum menumbuk pipi kiri dan dada kiri pengadu.

Hasil pemeriksaan perubatan oleh seorang doktor di Hospital Kanowit mengesahkan bahawa pengadu mengalami kecederaan tisu lembut akibat serangan tersebut.

Kejadian itu berlaku akibat salah faham antara pengadu dan rakan sekolahnya yang telah diselesaikan di hadapan warden asrama mereka.

Polis memanggil Wilson untuk memberi keterangan dan dia mengaku telah memukul pengadu.

Pengadu telah menarik balik laporan polis selepas perkara tersebut diselesaikan secara baik.

Wilson memukul pengadu selepas dimaklumkan oleh anak saudaranya bahawa pengadu telah memukulnya di sekolah.

Pendakwaan dikendalikan oleh ASP Siti Mariyah Dahari manakala Wilson tidak diwakili peguam.